

MAJLIS PENANDATANGAN PERJANJIAN BANDAR MALAYSIA

**UCAPAN DARIPADA
YB TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA**

SELASA 17 DISEMBER 2019

Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir bin Mohamad

Perdana Menteri Malaysia

TYT Bai Tian

Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia

Dato' Azmar Talib

Ketua Pegawai Eksekutif, TRX City Sdn Bhd

Tan Sri Lim Kang Hoo

Timbalan Pengerusi Eksekutif, Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd

Mr Chen Yun

Presiden China Railway Group Limited

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Selamat petang dan Salam Sejahtera.

Pendahuluan

1. Hari ini kita menyaksikan pemformalan Perjanjian Penjualan Saham (SSA) dan Perjanjian Pemegang Saham (SHA) antara TRX City Sdn Bhd dan IWH-CREC Sdn Bhd untuk projek pembangunan Bandar Malaysia yang diteruskan semula.
2. Penerusan semula projek Bandar Malaysia ini sebahagian besarnya merupakan hasil usaha YAB Perdana Menteri. Pada April tahun ini, YAB Perdana Menteri telah berada di China untuk menerajui dan menyaksikan penandatanganan perjanjian rangka kerja yang telah memberikan nafas baharu kepada projek ini. Keyakinan IWH-CREC untuk melabur semula dalam projek ini juga merupakan hasil kejayaan usaha Kerajaan untuk mengasingkan, merasionalisasi dan menyahtoksikan projek ini yang dicemari skandal korupsi 1MDB.
3. Iskandar Waterfront Holdings (IWH) dan China Railway Engineering Corp (CREC) sebagai sebuah konsortium telah memenangi tender untuk membangunkan Bandar Malaysia pada tahun 2015. Berkeluasan sebanyak 486 ekar, ia merupakan plot pembangunan terbesar dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Namun, pada Mei 2017, perjanjian ini telah dibatalkan oleh pentadbiran terdahulu kerana skandal 1MDB mulai terbongkar. Kerajaan hari ini meneruskan semula perjanjian tersebut setelah usaha penyah-toksikan yang perlu dilakukan mampu membuktikan ia masih berupaya menjana manfaat ekonomi terhadap pembangunan dalam bandar bagi Malaysia.

Meneruskan Semula Projek Pembangunan Bandar Malaysia

4. Susulan penandatanganan Perjanjian Rangka Kerja pada 25 April 2019, Majlis Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Bandar Malaysia bawah Kementerian Kewangan untuk merunding semula terma-terma baharu yang lebih baik bagi memastikan projek ini benar-benar memanfaatkan negara dan rakyat Malaysia. Berbanding perjanjian asal yang dirunding oleh Kerajaan terdahulu, perjanjian baharu yang ditandatangani hari ini dan dirunding Kerajaan hari ini mengandungi terma-terma yang ditambah baik seperti berikut:

Jadual 1: Ringkasan penambahbaikan Perjanjian Penjualan Saham baharu yang ditandatangani pada 17 Disember 2019

	Perjanjian lama ditandatangani 31 Disember 2015	Perjanjian Baharu ditandatangani 17 Disember 2019
Terma bayaran	Harga pembelian dibayar dalam tempoh 7 tahun	Harga pembelian dibayar dalam tempoh 3 tahun
Deposit	Deposit RM741 juta	Deposit RM741 dan bayaran pendahuluan RM500 juta
Taman dan kawasan rekreasi	Keperluan piawaian DBKL sebanyak 10% (Taman dan kawasan rekreasi seluas 48.6 ekar)	Taman dan kawasan rekreasi seluas 85 ekar
Rumah mampu milik	5,000 unit	10,000 unit
Dividen daripada penjualan tanah	Dividen berdasarkan pegangan saham, iaitu 60% kepada ICSB dan 40% kepada TRXC (Kerajaan)	Dividen dibahagikan 50:50 kepada ICSB dan TRXC (Kerajaan)

ASPIRASI ANTARABANGSA

5. Dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM140 bilion, Bandar Malaysia merupakan pembangunan guna campur, berorientasikan transit di Kuala Lumpur. Ia akan membawa nilai ekonomi yang ketara dan penciptaan ribuan peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor pembinaan, pengetahuan, keusahawanan dan teknologi.

6. Setelah siap dibina, Bandar Malaysia akan menarik syarikat-syarikat multinasional utama (MNC) dan syarikat Fortune 500 untuk memindahkan operasi mereka ke sini. Alibaba dan Huawei telah pun menyatakan hasrat mereka untuk membuka hab di Bandar Malaysia. In adalah sejajar dengan polisi Kerajaan untuk menarik MNC ke dalam Malaysia untuk melabur dalam sektor berteknologi tinggi dan bernilai tinggi, bagi meningkatkan tahap produktiviti dan daya saing Malaysia dalam suasana global yang mencabar.

7. Kita berada di sini pada hari ini hasil visi YAB Perdana Menteri untuk merealisasikan projek yang telah dibersihkan daripada salah laku. Setelah kerja-kerja detoksifikasi yang diperlukan berjaya meningkatkan keyakinan para pelabur, Bandar Malaysia hari ini menawarkan terma-terma yang lebih seimbang dan berpatutan kepada negara. Kementerian Kewangan, melalui TRX City Sdn. Bhd, akan terus memantau bagi memastikan kepatuhan dengan termaterma yang telah ditambah baik, dan juga agar projek mercu tanda ini dapat disiapkan dengan cepat.

Terima kasih